# LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
## SABTU 13 OGOS 2022

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1.<br>2.<br>3.<br>4.<br>5.<br>6. | TAMBAHAN PEKERJA ASING UNTUK INDUSTRI SARANG BURUNG WALET, UTUSAN BORNEO (SABAH) -ONLINE<br>INDUSTRI SARANG BURUNG WALET, UTUSAN BORNEO SARAWAK -ONLINE<br>USAHA JAMIN SEKURITI MAKANAN NEGARA, KOSMO -ONLINE<br>PAMERAN MAHA MERIAH, UM -ONLINE<br>CHINA PRESS -ONLINE<br>SIN CHEW DAILY –ONLINE | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI) |
| 7.<br>8. | KLUSTER AGROTRADE RAIH 96 PADANAN, POTENSI RM37.1 JUTA, UM -ONLINE<br>PAVILION AGROTRADE FAMA CATAT POTENSI EKSPORT RM42.37j, KOSMO – ONLINE | LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA) |
| 9. | NAFAS PERKENALKAN JENTERA PREMIUM PELBAGAI GUNA UNTUK PETANI, SH – ONLINE | PERTUBUHAN PELADANG KEBANGSAAN (NAFAS) |
| 10.<br>11. | TAWAR GANJARAN KESELURUAHN RM36,000, HM -ONLINE<br>PERTANDINGANTARIK GENERASI MUDA, KOMUNITI MASJID, BH –ONLINE | LAIN-LAIN |

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

# Tambahan pekerja asing untuk industri sarang burung walet

## Kerajaan beri kebenaran setelah mengambil kira potensi industri

> “Sasaran pendapatan negara untuk pasaran eksport adalah 350,000 kilogram (kg) dengan anggaran nilai berjumlah RM2.8 bilion menjelang tahun 2030.”

**Datuk Seri Dr Ronald Kiandee**
*Menteri Pertanian dan Industri Makanan*

**SERDANG: Kerajaan bersetuju untuk membenarkan pengambilan pekerja asing tambahan bagi industri sarang burung walet, khusus bagi pemprosesan sarang burung walet mentah bersih bagi mengatasi isu kekurangan tenaga kerja dihadapi industri berkenaan.**

Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata kebenaran itu diberikan setelah mengambil kira potensi industri itu yang mempunyai permintaan pasaran tumpuan yang khusus.



RONALD

Bagaimanapun menurutnya kebenaran itu diberikan bergantung kepada kapasiti pengeluaran tahunan sesebuah syarikat, tertakluk kepada syarat pengambilan pekerja asing yang berkuat kuasa dan syarikat mestilah terlebih dahulu berdaftar dengan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS).

“Sehingga 31 Disember tahun lepas, industri sarang burung walet telah menggaji 2,213 pekerja yang meliputi 1,073 pekerja tempatan dan 1,140 pekerja asing.

“Berdasarkan senarai permohonan yang diterima daripada pemain industri, sektor ini memerlukan tambahan pekerja lebih daripada 2,000 orang lagi,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas melancarkan sistem MyWalet untuk kegunaan pengusaha sarang burung walet tempatan bersempena Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agropelancongan (MAHA) 2022 di Taman Ekspo Pertanian Malaysia Serdang (MAEPS) di sini, semalam.

Ronald berkata jika industri berkenaan terus mengalami kekurangan pekerja, ia bakal memberi kesan kepada kuantiti dan kualiti produk yang dihasilkan, dan secara tidak langsung akan menjejaskan eksport sarang burung walet yang mempunyai nilai eskport RM1.8 bilion tahun lepas.

“Sasaran pendapatan negara untuk pasaran eksport adalah 350,000 kilogram (kg) dengan anggaran nilai berjumlah RM2.8 bilion menjelang tahun 2030,” katanya.

Beliau berkata pihak kementerian dan industri akan terus merangka program-program peningkatan kemahiran pekerja tempatan bagi menarik minat mereka untuk bekerja dalam industri itu, sekali gus mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing.

Sementara itu Ronald berkata sistem MyWalet yang dilancarkan hari ini adalah satu sistem pendaftaran sepanjang rantaian industri sarang burung walet dalam negara bermula daripada perladangan sarang burung walet sehingga ke peringkat eksport.

“Oleh itu, sejajar dengan hasrat kerajaan untuk memperkasakan penggunaan tenologi berasaskan IR4.0, sistem MyWalet ini menggunakan teknologi blockchain bagi memastikan sistem ini lebih selamat dan mesra pengguna khususnya bagi pengusaha walet seluruh negara,” katanya.

Sementara itu Timbalan Pengarah Bahagian Pembangunan Industri Ternakan Dr Norhaliza Abdul Halim berkata sistem MyWalet yang dibangunkan secara kerjasama antara DVS dan Universiti Malaysia Pahang (UMP) mampu meningkatkan daya jejak sarang burung.

Beliau berkata sistem itu juga memudahkan penembusan pasaran produk sarang burung yang dieksport ke negara lain, antaranya China, memandangkan sebahagian besar industri negara itu telah menggunakan teknologi blockchain.

“Pengimport dari negara China memerlukan kita bukan sahaja membuat pemeriksaan menyeluruh proses pengambilan sarang burung walet sehingga ke kilang pemprosesan, tetapi juga meningkatkan daya jejak sarang burung, sekali gus memastikan produk sarang burung dari negara ini adalah produk tulen.

“Dengan sistem ini, setiap produk sarang burung yang dieksport akan mempunyai kod QR yang membolehkan pengimport untuk mengesan balik setiap peringkat pemprosesan yang dilalui, sekaligus meningkatkan keyakinan mereka terhadap produk dari Malaysia,” katanya ketika ditemui Bernama. — Bernama

# industri sarang burung walet

## Kerajaan beri kebenaran setelah mengambil kira potensi industri

**SERDANG: Kerajaan bersetuju untuk membenarkan pengambilan pekerja asing tambahan bagi industri sarang burung walet, khusus bagi pemprosesan sarang burung walet mentah bersih bagi mengatasi isu kekurangan tenaga kerja dihadapi industri berkenaan.**

Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata kebenaran itu diberikan setelah mengambil kira potensi industri itu yang mempunyai permintaan pasaran tumpuan yang khusus.

Bagaimanapun menurutnya kebenaran itu diberikan bergantung kepada kapasiti pengeluaran tahunan sesebuah syarikat, tertakluk kepada syarat pengambilan pekerja asing yang berkuat kuasa dan syarikat mestilah terlebih dahulu berdaftar dengan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS).

"Sehingga 31 Disember tahun lepas, industri sarang burung walet telah menggaji 2,213 pekerja yang meliputi 1,073 pekerja tempatan dan 1,140 pekerja asing.

"Berdasarkan senarai permohonan yang diterima daripada pemain industri, sektor ini memerlukan tambahan



RONALD

pengusaha sarang burung walet tempatan bersempena Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agropelancongan (MAHA) 2022 di Taman Ekspo Pertanian Malaysia Serdang (MAEPS) di sini, semalam.

Ronald berkata jika industri berkenaan terus mengalami kekurangan pekerja, ia bakal memberi kesan kepada kuantiti dan kualiti produk yang dihasilkan, dan secara tidak langsung akan menjejaskan eksport sarang burung walet yang mempunyai nilai eskport RM1.8 bilion tahun lepas.

"Sasaran pendapatan negara untuk pasaran eksport adalah 350,000 kilogram (kg) dengan anggaran nilai

> "Sasaran pendapatan negara untuk pasaran eksport adalah 350,000 kilogram (kg) dengan anggaran nilai berjumlah RM2.8 bilion menjelang tahun 2030."
>
> **Datuk Seri Dr Ronald Kiandee**
> *Menteri Pertanian dan Industri Makanan*

terus merangka program-program peningkatan kemahiran pekerja tempatan bagi menarik minat mereka untuk bekerja dalam industri itu, sekali gus mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing.

Sementara itu Ronald berkata sistem MyWalet yang dilancarkan hari ini adalah satu sistem pendaftaran sepanjang rantaian industri sarang burung walet dalam negara bermula daripada perladangan sarang burung walet sehingga ke peringkat eksport.

"Oleh itu, sejajar dengan hasrat kerajaan untuk memperkasakan penggunaan tenologi berasaskan IR4.0, sistem MyWalet ini menggunakan teknologi blockchain bagi memastikan sistem ini lebih selamat dan mesra pengguna khususnya bagi pengusaha walet seluruh negara," katanya.

Sementara itu Timbalan Pengarah Bahagian Pem-

siti Malaysia Pahang (UMP) mampu meningkatkan daya jejak sarang burung.

Beliau berkata sistem itu juga memudahkan penembusan pasaran produk sarang burung yang dieksport ke negara lain, antaranya China, memandangkan sebahagian besar industri negara itu telah menggunakan teknologi blockchain.

"Pengimport dari negara China memerlukan kita bukan sahaja membuat pemeriksaan menyeluruh proses pengambilan sarang burung walet sehingga ke kilang pemprosesan, tetapi juga meningkatkan daya jejak sarang burung, sekali gus memastikan produk sarang burung dari negara ini adalah produk tulen.

"Dengan sistem ini, setiap produk sarang burung yang dieksport akan mempunyai kod QR yang membolehkan pengimport untuk mengesan balik setiap peringkat pempros-

MAFI bersedia tampung keperluan rakyat bakal cecah lebih 45 juta orang pada 2050

# Usaha jamin sekuriti makanan negara

**SERDANG** – Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) melaksanakan pelbagai usaha termasuk jangka masa pendek dan jangka masa panjang bagi menjamin sekuriti makanan negara terutama dalam menampung keperluan rakyat yang dijangka meningkat lebih 45 juta orang menjelang 2050.

Menterinya, Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee, sebagai contoh dalam tanaman padi, MAFI banyak mengolah dan menggunakan pendekatan SMART SBB (program SMART Sawah Berskala Besar) bagi memasukkan elemen teknologi dan pengurusan lebih efisien.

"Ini untuk memastikan kebergantungan 30 peratus keperluan beras negara itu, dapat kita tampung melalui pengurusan jadang sedia ada.

"Dalam sektor perikanan kita ada program adaptasi, mekanisasi dan automasi program untuk meningkatkan kelas lesen nelayan daripada kelas A kepada B, C dan sebagainya," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita selepas menyempurnakan Pelancaran Sistem MyWalet Bagi Industri Burung Walet di Taman Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS) di sini semalam.



**ORANG ramai yang hadir pada pameran MAHA 2022 di MAEPS, Serdang semalam.** FARIZ RUSADIO

Penduduk Malaysia diunjurkan meningkat kepada lebih 45 juta menjelang 2050 sekali gus bakal meningkatkan permintaan dan penggunaan terhadap makanan.

Ronald berkata, isu sekuriti makanan bukan sahaja berkaitan pertumbuhan penduduk, namun itu juga berkenaan faktor lain seperti perubahan iklim, cuaca, kemarau, kekurangan buruh asing, banjir serta penyakit.

Menurut beliau, menyedari perkara itu, kerajaan turut mengambil pelbagai langkah dan tindakan bagi meningkatkan Status Kadar Sara Diri (SSL) negara.

Jelas beliau, sekuriti makanan adalah isu yang diambil perhatian secara khusus oleh kerajaan apatah dunia belum pulih akibat pandemik Covid-19 dan berlaku konflik geopolitik dunia.

"Kita berhadapan dengan pelbagai dasar dari negara luar termasuk dasar perlindungan di mana mereka mengurangkan eksport sedia ada ke negara lain.

"Justeru, MAFI sentiasa memastikan bekalan makanan negara stabil dan boleh diperoleh dalam jangka masa panjang," katanya.

Dalam pada itu, Ronald berkata, kerajaan bersetuju membenarkan pengambilan pekerja asing khusus bagi menampung keperluan industri sarang burung walet berdasarkan kapasiti pengeluaran tahunan sesebuah syarikat, tertakluk kepada syarat pengambilan pekerja asing yang berkuat kuasa.

"Kerajaan mengambil maklum keperluan industri ini dan bersetuju meluluskan satu kuota khusus bagi pekerja asing industri sarang burung ini.

"Kebenaran pengambilan pekerja asing ini adalah khusus untuk pemprosesan sarang burung walet mentah bersih dan, pihak syarikat mesti berdaftar dengan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) terlebih dahulu," katanya.




## Pameran MAHA meriah

PAMERAN Pertanian Hortikultur dan Agropelancongan Malaysia (MAHA) 2022 di Taman Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS) di Serdang terus menjadi tumpuan orang ramai bagi mendapatkan produk pertanian pada harga berpatutan. - UTUSAN/FARIZ RUSADIO

# 須向獸醫局註冊
# 燕窩加工廠准聘外勞

（沙登12日讯）政府同意让燕窝产业聘请外劳。

农业及食品工业部长拿督斯里罗南建迪形容，燕窝产业具备持续增长的潜能，可以在市场上以高价出售，也是我国经济收入的新来源。

他指出，根据统计，我国在2021年出口1万5903公吨的燕窝，已经达到18亿令吉，相比2020年的14亿令吉，增长了高28%或4亿令吉。

## 影響燕窩出口

他也说，政府放眼燕窝产业在2030年，能达到28亿令吉的出口额。

"如果这个行业持续缺乏劳工，将对产量和质量造成影响，并间接影响燕窝的出口。

"因此，考虑到该行业具有潜力，政府已同意根据公司的生产能，让燕窝产业聘雇外劳。"

罗南建迪今日在2022年大马农业、园艺及农业旅游展推介MyWalet系统时，如是指出。

他补充，政府现阶段只开放让燕窝加工厂聘请外劳，且该公司必须事先向兽医局注册。

另外，罗南建迪提到，从燕窝屋、燕窝加工厂等燕窝产业链，也为我国创造了很多就业机会。

"截至去年底，共有2213人在燕窝产业工作，其中包括1073名本地人，以及1140名外劳。据了解，燕窝产业还急需2000名人手。

"对此，农业部将与业者制定长远计划，以提高本地人在这方面的技能，并吸引他们从事燕窝产业，以减少外劳的依赖。"

出席者包括兽医局总监雅克玛、彭亨大学副校长尤慧里、马来西亚燕窝商联合总会总会长陈瑞民、副总会长黄泽宏等人。



■罗南建迪（中）为MyWalet主持开幕，左起为黄泽宏、尤慧里、雅克玛和陈瑞民。

## 透過各計劃確保糧食充足

罗南建迪指出，农业及食品工业部长会透过各项计划确保国家粮食充足。

他指出，粮食危机不只源自人口增长，也包括其他的挑战，如气候变化、疾病、劳工短缺等。

"但政府都有各种计划，确保国家的粮食供应逐步提高。"

他以稻米为例，政府也透过技术、有效管理等元素，增加国内的稻米产量，至少满足国内30%的稻米需求。

罗南建迪是针对记者询问，伴随着我国人口的逐渐增长，我国将在2050年面对粮食危机一事，而如是指出。

他补充，农业及食品工业部不只是设定短期计划，也拟定了确保粮食供应充足的长期政策。

"不过，对于各类农作物、家禽等农产品的供应，我们也需要来自各界的合作，以及持续引进外来投资。"

## MAHA訪客破90萬人次

2022年马来西亚农业、园艺和农业旅游展（MAHA）至今已迎来90万人次的访客！

罗南建迪指出，截至昨晚统计的数据，共有70万人次访问实体展览，另有20万人次透过线上参与展览。

他还提到，该展至今也签署了26份备忘录，创造了50亿令吉的经济价值。

他补充，截至周三，展览1500个摊位的销售总值也达到1亿6000万令吉。

罗南建迪对此形容，这是一个正面和积极的发展，即使目前还处在疫情期间，但大家依然踊跃参与其中。

他也披露，接下来的最后两天，展览还会有很多精彩的活动。

"而且，我们还会对第75万、80万、85万和100万名访客，赠送特别的礼物。"

为期11天的马来西亚农业、园艺和农业旅游展，从8月4日（周四）举行至8月14日（周日）。

## MyWalet充燕窩產業註冊平台

兽医局周五（12日）推介MyWalet系统，作为燕窝产业的注册平台。

MyWalet取名自Burung Walet（燕子）。

罗南建迪指出，为了促进国内燕窝产业的发展，农业与食品工业部通过兽医局持续与业者加强合作，并共享技术和营销信息，而MyWalet就是其中一个例子。

他解释，MyWalet使用区块链技术确保系统也安全，也人性化，让从申请到批准的所有程序都以线上方式完成。

他补充，这个系统自2019年开始研发，是兽医局与业者合作的结晶。

"我希望MyWalet系统能继续确保燕窝产品的质量和安全受到保障，并进一步扩大燕窝产品的市场和潜能。

"我们也会继续加强国内燕窝产业，使其成为一个可持续和具竞争力的行业。"




罗纳建迪（中）在MyWalet系统推介礼结束后，与燕窝商业者交流，左起是尤斯里再努丁、阿克玛、阿查哈宁；右三是陈瑞民。（蔡伟传摄）

## 農長：考量巨大潛力

# 同意燕窩業增聘外勞

（沙登12日讯）农业及食物工业部长拿督斯里罗纳建迪指出，在考量到我国燕窝产业的巨大潜力，政府同意让燕窝产业业者增聘外劳，但必须依据一家燕窝公司每年的产量规模以及聘请外劳的条件而定。

他披露，截至去年12月31日，我国燕窝行业已经聘请2213名工人，当中1073人为本地工人，1140人是外劳。

### 燕窝产业至少缺2千工人

"根据业界所接获的申请名单，显示出我国燕窝产业领域依然缺乏人手，仍需要增加聘雇超过2000名工人，因此政府同意增加聘请外劳的阀打。"

他今日为大马兽医服务局（DVS）推介马来西亚燕窝产业MyWalet系统后，在新闻发布会表示，由于燕窝产业领域正蓬勃发展，也为国家的经济成长作出相当大的贡献，因此燕窝产业需要大量人手，包括在加工厂处理清洗燕窝的工作，然后才将加工产品出口到海外。

这也是农业部配合2022年农业、园艺及农业旅游博览会（MAHA 2022）的活动之一。

### 去年出口5905吨 收益18亿

罗纳建迪指出，今天推介的燕窝产业MyWalet系统，是一项全面采用区块链（Blockchain）技术的系统，旨在增强业者的信心，因为对比旧的系统，它近乎不可能遭骇客攻击。

此外，他说，我国燕窝产业去年的出口产量高达5905公吨，并带来18亿令吉的收益，比2020年的14亿令吉还高。

"因此，政府对出口市场的收入目标为，到了2030年时达35万公斤，带来28亿令吉收益。政府同时看到燕窝产业的整个价值链，从燕屋到加工厂，都制造不少就业机会。"

他指出，有了MyWalet系统，将促使我国燕窝达到更高质量。

马来西亚燕窝商联合会总会长陈瑞民今日也在展览馆上，与部长交流。其他出席者尚有部门副秘书长阿查哈宁、马来西亚彭亨大学（UMP）校长拿督尤斯里再努丁、大马兽医服务局总监阿克玛等人。

### 农博会迄今接待70万人次

另一方面，询及还有两天落幕的博览会的反应，罗纳建迪表示，他被告知目前已有逾90万人次参与，其中20万人次参加线上活动，70万人次参加实体活动。

"在过去多天的展览，总共完成26项备忘录的签署，备忘录所带来的投资额高达50亿令吉。销售额方面，截至本周三为止，实体和线上销售额总共达到1亿6000万令吉。"

# Kluster AgroTrade raih 96 padanan, potensi RM37.1 juta

Oleh MOHD. HUSNI MOHD. NOOR
utusannews@mediamulia.com.my




PAVILION Agro Trade FAMA di Dewan A MAHA 2022 di Taman Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS), Serdang, Selangor. - UTUSAN/FARIZ RUSADIO

**SERDANG:** Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) mencipta 97 padanan perniagaan antara usahawan bimbingannya dengan ejen pemasar luar negara dengan potensi jualan mencecah RM37.1 juta.

Pencapaian itu diraih dalam tempoh tujuh hari menerusi kluster AgroTrade kendalian FAMA di Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA) 2022 yang bermula 4 Ogos lalu.

Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) FAMA, Datuk Mohamad Mustahapa Awang berkata, padanan perniagaan itu diraih 14 buah syarikat usahawan bimbingan FAMA yang berada di kluster AgroTrade.

Katanya, padanan perniagaan itu diperoleh menerusi ejen pemasar dari Jepun, China dan Hong Kong, Thailand, Emiriah Arab Bersatu (UAE), Jerman, Australia serta United Kingdom.

"Kebanyakan usahawan bimbingan FAMA itu ada yang sudah mendapat tempat di beberapa pasaran luar negara dan ada bersedia mengeksport produk mereka ke luar negara," katanya ketika ditemui semalam.

Selain itu, katanya, pihaknya merekodkan nilai jualan langsung sebanyak RM230,000 dari 14 buah syarikat itu sepanjang tujuh hari MAHA 2022 dengan jumlah pengunjung seramai 32,000 orang.

Kata beliau, pihaknya menyasarkan 75 padanan perniagaan dengan potensi nilai jualan RM10 juta sepanjang 11 hari penganjuran MAHA 2022 dan sasaran itu dicapai lebih awal.

Katanya, FAMA turut membawa pasar raya mini Lulu yang dimiliki Lulu Group International, konglomerat dari UAE untuk mendedahkan kepada usahawan jenis-jenis produk dipasarkan menerusi jenama pasar raya terkemuka itu.

Menurutnya, usahawan FAMA berpeluang melihat prasyarat atau keperluan dunia terhadap produk-produk tertentu memandangkan Lulu kini menjadi pusat sehenti pelbagai produk makanan terkemuka dunia.

# Pavilion Agrotrade FAMA catat potensi eksport RM42.3j

Oleh **ZULKIFLI MANZOR**

**SERDANG** – Padanan perniagaan yang dijalankan di Pavilion Agrotrade Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA) 2022 berjaya mencatat potensi eksport bernilai RM42.3 juta setakat kelmarin.

Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Datuk Mohamad Mustahapa Awang berkata, padanan perniagaan itu membabitkan perbincangan antara usahawan tempatan dan ejen pemasar dari negara asing.

"Ejen pemasar termasuk dari Thailand, Hong Kong, China, Jepun, United Kingdom, Australia dan Jerman. Ini adalah padanan perniagaan secara 'walk in' di Pavilion Agrotrade MAHA 2022 sahaja.

"Ia tidak termasuk pemeteraian empat perjanjian melibatkan Memorandum Persefahaman (MoU) dan Memorandum Perjanjian (MoA) dengan nilai keseluruhan RM451 juta baru-baru ini," katanya ketika ditemui *Kosmo!* di Taman Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS) di sini semalam.




**PAVILION Agrotrade FAMA yang terdapat di Hall A pada Pameran MAHA 2022 di MAEPS, Serdang.**

Mohamad Mustahapa berkata, padanan perniagaan secara 'walk-in' yang disasarkan pada MAHA 2022 adalah RM10 juta sekali gus bermakna pencapaian sebenar telah melebihi sasaran.

Jelas beliau, padanan perniagaan diatur melibatkan ejen pemasar dari luar negara yang dijemput khusus sempena MAHA 2022 bagi mengenal pasti produk tempatan yang mendapat permintaan dan berpotensi dipasarkan ke negara mereka.

"Salah satu ejen pemasar itu adalah Lulu yang memiliki lebih 200 pasar raya di seluruh dunia. Kita bawa ke MAHA 2022 untuk menyuaipadankan pasar raya tersebut dengan usahawan kita dan seterusnya mengimport produk yang terpilih ke pasaran global.

"Kita turut melibatkan beberapa agensi kerajaan yang berkaitan seperti Kementerian Kesihatan (KKM), Majlis Amanah Rakyat (Mara), SIRIM Bhd. dan Agrobank di Pavilion Agrotrade MAHA 2020 menjadi 'one stop center' kepada usahawan untuk mendapatkan khidmat nasihat eksport.



**MOHAMAD MUSTAHAPA**

"Kluster Agrotrade MAHA 2022 bertemakan *Your Gateway to International Market*," katanya.

Beliau menerangkan, antara produk yang terlibat dalam padanan perniagaan secara 'walk in' itu adalah produk agromakanan seperti pes masakan, snek dan pelbagai lagi.

Kata beliau, produk lain seperti produk sejuk beku durian, sate, roti canai, keropok lekor, popiah dan juga buah-buahan.

"Jadi penganjuran MAHA 2022 memberi prospek yang bagus dan tinggi kepada usahawan kita untuk mengeksport. Mereka juga boleh mempelajari hal pensijilan, pembungkusan dan lain-lain untuk tujuan eksport," katanya.

Dalam pada itu, beliau memaklumkan penganjuran MAHA 2022 bermula 4 Ogos lalu mendapat sambutan memberangsangkan.

Sebagai contoh, katanya, Empayar Makanan yang menjual pelbagai jenis makanan dan hidangan lazat sempena MAHA 2022 sehingga kelmarin dianggarkan mencatat jualan secara fizikal sebanyak RM1.71 juta.

Katanya, jualan secara dalam talian Empayar Makanan pula dianggarkan bernilai RM756,000 kerana penganjuran MAHA 2022 turut dianjurkan secara visual.

"Kita anggarkan jualan fizikal dalam baki beberapa hari lagi (MAHA 2022) ini boleh capai RM800,000 lagi didorong hari cuti Sabtu dan Ahad," tambahnya.

# Nafas perkenalkan jentera premium pelbagai guna untuk petani

**SERDANG** - Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) memperkenalkan jentera pertanian baharu jenama CASE IH sempena Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agropelancongan Malaysia (MAHA) 2022 yang diadakan di Taman Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS) bermula pada 4 Ogos dan berakhir Ahad ini.

Pengurus Bahagian Kejenteraan Nafas, Mohammad Fauzie Tamin berkata, jentera dengan fungsi pelbagai guna itu dilihat mampu memudahkan aktiviti kerja golongan petani serta peladang sebanyak 80 peratus.

Ujar beliau, beberapa model utama jentera yang dipasarkan adalah JX Straddle, Farmall JX dan Farmall JXM.

"Jentera itu direka khusus untuk kegunaan kerja-kerja lasak seperti di sawah, ladang sawit dan kawasan-kawasan pertanian," katanya kepada *Sinar Harian* ketika ditemui di Laman Mekanisasi, MAEPS pada Jumaat.

Jelasnya, golongan petani juga dapat menjimatkan kos operasi mereka kerana tidak lagi perlu menggunakan jentera berbeza untuk kegunaan tertentu.

Menurut Mohammad Fauzie, jentera berkenaan yang dipasarkan pada tahun 2021 itu merupakan kualiti premium dan direka sesuai bagi memenuhi kehendak pengguna sama ada untuk kapasiti kawasan ladang atau sawah yang berskala kecil mahupun besar.

"Bagi kegunaan di kawasan sawah, jentera ini boleh digunakan untuk aktiviti seperti membaja, menyemai, mengangkut barang-barang baja dan lain-lain.

"Ia juga berfungsi sama untuk kawasan ladang sawit dan kawasan pertanian lain yang boleh digunakan bagi tugas-tugas lasak seperti mengangkut buah, tanam-tanaman, racun dan sebagainya," ujarnya.



MOHAMMAD FAUZIE

> *Bagi golongan petani, kita lihat lebih ramai yang menggunakan kemudahan-kemudahan seperti jentera ini berbanding manual. Ini kerana ia dapat menjimatkan kos, tenaga dan masa pekerja."*



**Jentera pertanian CASE IH (tengah) boleh didapati di Laman Mekanisasi, MAEPS Serdang.**

Beliau berkata, jentera berkenaan mendapat permintaan dalam kalangan pengguna apabila ia merekodkan penjualan yang memberangsangkan iaitu daripada 39 unit yang diimport, sebanyak 22 unit telah pun terjual.

"Bagi golongan petani, kita lihat lebih ramai yang menggunakan kemudahan-kemudahan seperti jentera ini berbanding manual. Ini kerana ia dapat menjimatkan kos, tenaga dan masa pekerja," jelasnya.

Bermula pada Mei 2021, Nafas secara rasmi menjadi pengedar kepada traktor jenama Case IH Agriculture.

Nafas diberi hak eksklusif dilantik oleh pengeluar sebagai ejen jualan, pengedar alat ganti dan servis pembaikan bagi model serta barang-barang di bawah jenama Case IH Agriculture di Malaysia.

# Tawar ganjaran keseluruhan RM36,000

**Serdang:** Selaras dengan slogan Menteri Besar Perak iaitu 'tanam apa yang kita makan, makan apa yang kita tanam', Pertandingan Edu Farming Sekolah dan Urban Farming Masjid 2022 diadakan dengan ganjaran wang keseluruhan RM36,000.

Pertandingan anjuran Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak (Perak SADC) dengan kerjasama Agrobank, Jabatan Pertanian Perak, Jabatan Pendidikan Perak, Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPk) serta Jabatan Agama Islam Perak (JAIPk).

Pengerusi Jawatankuasa Perladangan, Pertanian dan Industri Makanan Perak Razman Zakaria berkata, pelaksanaan pertandingan berkonsepkan *self-sustain* untuk menarik minat generasi muda terutama pelajar sekolah dan komuniti masjid bagi memperkasa aktiviti pertanian, sekali gus menjana makanan sendiri seperti slogan Menteri Besar Perak, Datuk Seri Saarani Mohamad iaitu 'tanam apa yang kita makan, makan apa yang kita tanam'.

"Pertandingan dilaksana bukan saja untuk melahirkan pelajar dan individu kreatif serta inovatif dalam menerapkan amalan 3R (kurangkan, guna semula, kitar semula), malah ia mampu memberikan galakan kepada mereka yang terbabit untuk memanfaat tanah atau ruang sedia ada bagi aktiviti pertanian," katanya.



**RAZMAN (kiri)** memotong sayur bersama pihak Agrobank, Jabatan Pendidikan Perak, MAIPk bagi merasmikan kerjasama Pertandingan Edu Farming Sekolah dan Urban Farming Masjid 2022.

Beliau ditemui selepas merasmikan pertandingan berlangsung di Pavilion Perak sempena Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA) 2022 di Taman Ekspo Pertanian Malaysia (Maeps) di sini, semalam.

Turut hadir Ketua Pegawai Eksekutif Perak SADC Yahanis Yahya serta Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin.

Razman berkata, bagi Pertandingan Edu Farming Sekolah 2022 dibahagikan kepada dua kategori iaitu A untuk sekolah menengah manakala sekolah rendah bagi kategori B.

"Sebanyak 16 sekolah dari daerah Kinta Utara, Kinta Selatan, Kerian dan Perak Tengah terpilih menyertai kedua-dua pertandingan ini.

"Selain itu, bagi Pertandingan Urban Farming Masjid 2022, pemilihan ditentukan pihak yang terbabit membabitkan empat masjid di daerah Kinta Utara, Kinta Selatan, Kerian dan Perak Tengah," katanya.

Sementara itu, pada majlis sama, Razman turut merasmikan Majlis Penyerahan Skim Pembiayaan Pinjaman Tanpa Faedah, Geran Program Asnaf Berjaya dan Skim Sekuriti Makanan Usahawan Perak SADC.

Perak SADC juga mewujudkan Program Mentor Mentee di mana di bawah platform itu sudah melahirkan Program Mentorship Usahawan Tanaman Cendawan Moden Negeri Perak. Mentor yang terbabit melalui program ini adalah Mohd Zaid Asmuni manakala dua mentee mendapat bimbingan beliau adalah Jamal Khairudin serta Hasmah Mohamed. Jumlah keseluruhan pembiayaan membabitkan tiga usahawan berkenaan RM200,000 yang digunakan bagi pembangunan rumah cendawan bagi aktiviti hiliran.

# Pertandingan tarik generasi muda, komuniti masjid

**Serdang**: Usaha menarik minat generasi muda untuk memperkasakan aktiviti pertanian mampu dilaksanakan dengan Pertandingan Edu Farming Sekolah dan Urban Farming Masjid 2022.

Pertandingan itu dianjurkan secara kerjasama antara Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak (Perak SADC), Agrobank, Jabatan Pertanian Perak, Jabatan Pendidikan Perak dan Majlis Agama Islam Adat Melayu Perak (MAIPk) dan Jabatan Agama Islam Perak (JAIPk).

Pengerusi Jawatankuasa Perladangan, Pertanian dan Industri Makanan Perak, Razman Zakaria, berkata pertandingan berkonsepkan *self-sustain* itu adalah platform bagi memberi peluang kepada generasi muda, terutama pelajar sekolah dan komuniti masjid melakukan aktiviti pertanian, sekali gus menjana makanan sendiri.

## Lahir pelajar kreatif, inovatif

Katanya, ia sama seperti slogan Menteri Besar Perak, Datuk Seri Saarani Mohamad, iaitu tanam apa yang kita makan, makan apa yang kita tanam dan jual jika ada lebihan.

"Pertandingan ini diadakan bertujuan melahirkan pelajar dan individu kreatif serta inovatif dalam menerapkan amalan 3R (*reduce, reuse, recycle*).

"Selain itu, ia juga mampu memberikan galakan kepada mereka yang terbabit untuk memanfaatkan tanah atau ruang sedia ada khususnya bagi aktiviti pertanian," katanya.

Beliau berkata demikian kepada media selepas merasmikan Pertandingan Edu Farming Sekolah dan Urban Farming Masjid 2022 di Pavilion Perak, sempena Pameran Pertanian Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA) 2022.

Yang turut hadir, Ketua Pegawai Eksekutif Perak SADC, Yahanis Yahya; Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank, Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin; Pengarah Pendidikan Perak, Aznan Alias; Pengarah Pertanian Perak, Norsiyenti Othman dan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pengurusan) MAIPk, Mohd Haidi Sulaiman dan Pengarah JAIPk, Datuk Mohd Yusop Husin.

Razman berkata, pertandingan itu terbahagi kepada dua kategori, iaitu Kategori A (Sekolah Menengah) dan Kategori B (Sekolah Rendah).

Setakat ini, katanya, sebanyak 16 sekolah dari daerah Kinta Utara, Kinta Selatan, Kerian dan Perak Tengah terpilih menyertai kedua-dua kategori berkenaan.

"Bagi Pertandingan Urban Farming Masjid 2022, pemilihan masjid akan ditentukan kemudian, membabitkan empat daerah iaitu Kinta Utara, Kinta Selatan, Kerian dan Perak Tengah," katanya.

## Hadiah wang tunai RM36,000

Razman berkata, hadiah wang tunai keseluruhan berjumlah RM36,000 menanti pemenang bagi tempat pertama sehingga ketiga untuk kedua-dua kategori, selain set pertanian, plak serta sijil.

"Saya berharap penganjuran pertandingan ini bukan sahaja menyokong manifestasi kerajaan bagi mengukuhkan jaminan sekuriti makanan, malah turut memberi nilai tambah dalam memastikan pertanian bandar ini dapat disebar luas untuk semua lapisan masyarakat," katanya.

Sementara itu, pada majlis sama, Razman turut menyempurnakan perasmian Majlis Penyerahan Skim Pembiayaan Pinjaman Tanpa Faedah, Geran Program Asnaf Berjaya dan Skim Sekuriti Makanan Usahawan Perak SADC.



Razman (kiri) bersama hasil tanaman selepas merasmikan Pertandingan Edu Farming Sekolah dan Urban Farming Masjid 2022 di Pavilion Perak sempena MAHA 2022

(Foto Fathil Asri/BH)

Bagi penyerahan Skim Pembiayaan Pinjaman Tanpa Faedah, Perak SADC memperuntukkan RM81,000, membabitkan empat usahawan yang terbabit secara langsung dalam bidang pertanian, penternakan dan perikanan.

Peruntukan itu untuk pembelian barangan atau pembangunan fasiliti bagi memudah serta mengoptimumkan hasil pengeluaran perusahaan dijalankan.

Perak SADC turut memperuntukkan RM10,000 kepada dua usahawan menerusi Geran Program Asnaf Berjaya yang menjalankan perusahaan dalam bidang pertanian dan penternakan.

Peruntukan di bawah program itu bertujuan membantu golongan B40 menceburi bidang keusahawanan serta meningkatkan sumber pendapatan menerusi perusahaan dijalankan.

Perak SADC juga mewujudkan Program Mentorship Usahawan Tanaman Cendawan Moden Negeri Perak di bawah Program Mentor Mentee.

Menerusi program ini, dua usahawan iaitu Jamal Khairudin Hasmah Mohamed, dengan bimbingan mentor, Mohd Zaid Asmuni, menerima pembiayaan berjumlah RM200,000 untuk pembangunan rumah cendawan bagi aktiviti hiliran.